

# DALIL PENSYARIATAN TAUliaH MENGAJAR

## 1. Firman Allah SWT :

Mafhum ayat :

“Dan janganlah kamu mengikuti sesuatu yang tidak kamu ketahui.

(Al-Isra':17:36)

## 2. Pesanan Rasulullah SAW kepada Muaz bin Jabal supaya mengenali keadaan masyarakat.

Sabda Nabi SAW yang bermaksud :

“Sesungguhnya kau akan mendatangi kaum ahli kitab. Maka hendaklah perkara pertama yang kau dakwahkan kepada mereka adalah beribadah kepada Allah S.W.T.”

(Hadis Riwayat Muslim )

## 3. Kisah Rasulullah SAW Dengan Muaz Bin Jabal RA

Ketika Rasulullah SAW menghantar Muaz bin Jabal RA ke Yaman, baginda terlebih dahulu bertanyakan beberapa soalan kepada Muaz berdasarkan sabdanya yang bermaksud:

“Dengan apakah kamu akan berhukum ? Maka Muaz menjawab: Aku akan berhukum dengan apa yang terdapat di dalam Kitabullah. Baginda bersabda: Sekiranya ia tidak terdapat di dalam “di dalam Kitabullah?, Maka jawab Muaz aku

akan berhukum dengan Sunnah Rasulullah S.A.W. Baginda bertanya lagi: Sekiranya tidak terdapat di dalam Sunnah Rasulullah S.A.W ?

Jawab Muaz: Aku akan berijtihad dengan pendapatku. Maka Rasulullah S.A.W bersabda: Segala puji bagi Allah yang telah memberikan taufiq kepada utusan”.

(Hadis Riwayat Tirmizi)

## 4. Kisah Saidina Ali Bin Abi Thalib Dengan Imam Hasan al-Basri

Saidina Ali bin Abu Thalib RA pernah bertanyakan kepada Imam Hasan al-Basri Rahimahullah dengan katanya:


“Apakah tiang seri bagi agama ? Jawab Hasan al-Basri: Sifat warak. Tanya Saidina Ali: Apa pula yang merosakkan agama ? Jawab Hasan al-Basri: sifat tamak. Maka Saidina Ali pun berkata: Duduklah kamu, orang seperti kamulah yang layak untuk berbicara ke atas manusia”

(Iqazh al-Himam Fi Syarh al-Hikam.Hlm. 158).

**Dalil dan atsar di atas menjadi asas bagi proses pentaulianan mengajar agama yang dijalankan, di samping itu, adalah menjadi tanggungjawab badan berautoriti seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Islam untuk mengambil tindakan jika berlaku pelanggaran pada ketetapan tersebut berdasarkan enakmen yang dikuatkuasakan.**



## MENGAJAR AGAMA TANPA TAUliaH



## BAHAGIAN PENGUATKUASAAN

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan  
Pusat Dakwah Islamiah, Jalan Paroi Senawang,  
70400 Seremban Negeri Sembilan Darul Khusus  
Tel: 06-6771890 / 1891 Faks: 06-6771802

## MENGAJAR AGAMA

Mengajar apa-apa perkara yang berkaitan dengan agama Islam, termasuk memberi ucapan atau kuliah

## MENGAJAR AGAMA TANPA TAULIAH

Mengadakan atau mengajar agama Islam dalam majlis agama tanpa memiliki sebarang tauliah

## TAULIAH MENGAJAR

Kebenaran mengajar oleh badan berautoriti iaitu Jabatan Mufti Negeri (yang diberikan autoriti oleh Majlis Agama Islam) untuk mengeluarkan dan memberikan tauliah kepada seseorang yang ingin menyampaikan pengajaran agama.

## PENGUATKUASAAN

Tindakan penguatkuasaan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri (Bahagian Penguatkuasaan) jika berlaku pelanggaran berdasarkan enakmen yang dikuatkuasakan

### SEKSYEN 53 (1) MENGAJAR AGAMA TANPA TAULIAH ENAKMEN JENAYAH SYARIAH NEGERI SEMBILAN PINDAAN 2019

**Mana-mana orang yang mengajar agama tanpa tauliah daripada Jawatankuasa Tauliah di bawah subseksyen 18(3) Enakmen Pentadbiran, kecuali kepada ahli-ahli keluarganya di tempat kediamannya sahaja.**

**Apabila disabitkan bersalah oleh Mahkamah Syariah boleh dikenakan hukuman :**

#### **Kesalahan Pertama:-**

 Penjara tidak melebihi 2 tahun @ Denda tidak melebihi RM3,000.00 @ kedua-duanya

#### **Kesalahan Kedua dan berikutnya:**

 Penjara tidak melebihi 3 tahun dan denda RM5,000.00

### SEKSYEN 53 (2)

**Seseorang yang tauliahnya ditarik balik tetapi tidak mengembalikan tauliah itu kepada Jawatankuasa Tauliah**

**Apabila disabitkan bersalah oleh Mahkamah Syariah boleh dikenakan hukuman :**

 Penjara tidak melebihi 6 bulan @ Denda tidak melebihi RM500.00 @ kedua-duanya

### SEKSYEN 118 (3) JAWATANKUASA TAULIAH ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM 2003

(1). Majlis hendaklah melantik suatu Jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Tauliah. Terdiri daripada :

(a) Mufti, sebagai Pengurus; dan  
(b) tidak kurang daripada tiga orang dan tidak lebih daripada tujuh orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai

(2). Majlis hendaklah bertanggungjawab bagi melaksanakan keputusan-keputusan Jawatankuasa tauliah tersebut.

(3). Jawatankuasa Tauliah mempunyai kuasa untuk memberikan tauliah bagi maksud pengajaran agama Islam dan untuk menarik balik tauliah itu.

## TUJUAN TAULIAH MENGAJAR

- Memberikan garis panduan dalam menyampaikan ilmu agar menepati kehendak Islam.
- Mengelangkap penyebaran idelogi sesat, menyeleweng, amalan-amalan bidaah,khurafat dan hadis-hadis palsu
- Mengharmonikan perselisihan pandangan di kalangan tenaga pengajar atau penceramah agar dapat diterima dengan baik dan berlapang dada dalam kalangan masyarakat
- Dapat mengelakkan sikap dan akhlak yang buruk seperti mencerca, memaki hamun terhadap mana-mana pihak.
- Memahami hakikat situasi masyarakat yang ingin disampaikan ilmu
- Mengetahui kemampuan sebenar penerima tauliah